



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD BATAL 100 PERMIT KENDERAAN SYARIKAT LIAN GANG LOGISTICS SDN. BHD

KUALA LUMPUR, 30 Januari 2026 – Agensi Pengangkutan Awam Darat telah membatalkan Permit Kenderaan sebanyak 100 buah lori milik syarikat Lian Gang Logistics Sdn. Bhd, bersamaan dengan satu pertiga daripada keseluruhan kenderaan yang dikendali oleh syarikat tersebut.

Pembatalan ini adalah susulan tindakan Lian Gang Logistics Sdn. Bhd yang terus beroperasi walaupun Lesen Pengendali syarikat (No. 202001042810: Kelas Lesen Pembawa A) telah digantung oleh APAD dari 27 Ogos 2025 kepada 25 September 2025 (30 hari) atas kegagalan memenuhi keperluan Pemeriksaan dan Audit Keselamatan JPJ (JISA) pada 24 Jun 2025.

Tindakan tegas ini wajar dijadikan peringatan bahawa APAD memandang serius sebarang pelanggaran aspek keselamatan dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan drastik walaupun terhadap syarikat besar.

Tindakan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya serta integriti industri pengangkutan negara sentiasa terpelihara.

##TAMAT##

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT
30 Januari 2026

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my